

Article Info:

Received Date: 8 June 2018

Accepted Date: 8 July 2018

Corresponding Author:

santhilechumanan@yahoo.com

Seni Hiasan ‘Kolam’: Analisis Motif dan Makna

Decorative Art of ‘Kolam’: Analysis the Meaning of Motives and Colour

Santhi A/P Letchumanan

Norzuraina Mohd Nor

Fakulti Seni, Komputeran & Industri Kreatif,

Universiti Pendidikan Sultan Idris

santhilechumanan@yahoo.com

Abstrak

Kertas kerja ini membentangkan hasil kajian yang akan dijalankan untuk mengkaji secara khusus tentang seni melukis ‘Kolam’. Seni ‘Kolam’ boleh didefinisikan sebagai kerja seni yang melibatkan kemahiran tangan yang memerlukan daya cipta dan diwarisi melalui pendidikan informal oleh masyarakat India. Fokus kajian ini ialah mengenalpasti makna di sebalik jenis-jenis motif yang digunakan untuk melukis ‘kolam’. Selain itu, fokus kajian ini juga adalah untuk mengkaji makna penggunaan warna dalam seni ‘kolam’ yang dihasilkan oleh masyarakat India di bandar Sitiawan, Perak yang merupakan tempat popular melukis ‘Kolam’. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif kajian kes. Kaedah pengumpulan data melalui pemerhatian, temubual, rakaman visual dan kajian dokumen. Data-data yang akan diperolehi dianalisis secara berterusan semasa di lapangan menggunakan model interaktif Miles dan Huberman (1992). Manakala kajian ini akan menggunakan pendekatan interdisiplin dengan konsep-konsep dalam teori kebudayaan sebagai teori utama, pendidikan dan sosiologi. Hasil kajian ini mempertingkatkan kesedaran terhadap kepentingan seni ‘kolam’ dan ciri-ciri tradisional serta dapat mempertahankan warisan budaya dalam konteks sosial. Di samping itu, budaya tidak boleh dinafikan sumbangannya dalam pembentukan kurikulum pelbagai masyarakat dan etnik di Malaysia agar dapat membina jati diri ke arah pembentukan negara bangsa melalui pemahaman terhadap kebudayaan pelbagai kaum.

Kata kunci: ‘Kolam’, Sosialisasi, Kebudayaan, Pendidikan tidak formal

Abstract

This paper presents the results of the study will be conducted to review the specifics about the art of painting 'kolam'. Art 'kolam' can be defined as a work of art that involves skill that requires creativity hand and inherited through informal education by the Indian community. The focus of this study is to identify the meaning behind these kinds of motives used to draw 'kolam'. In addition, the focus of this study is to examine the meaning of the use of color in art 'kolam' which is produced by the Indian community in the town of Sitiawan, Perak which is a popular place to draw 'Kolam'. This study used a qualitative approach case study. The method of collecting data through observation, interviews, visual recordings and study the documents. The data will be analyzed on an ongoing basis in the field using an interactive model of Miles and Huberman (1992). While this study will use an interdisciplinary approach to the concepts in cultural theory as the main theoretical, education and sociology. The results of this study to enhance awareness of the importance of art 'kolam' and traditional features and is able to maintain the cultural heritage in the social context. In addition, culture cannot be denied its contribution to the formation of multi-community and ethnic curriculum in Malaysia in order to build a sense of identity towards the nation's formation through the understanding of multiracial cultures.

Keywords: ‘Kolam’, Socialization, Culture, Informal Learning

PENGENALAN


Menurut Anbalagan (2008), kaum India telah dibawa masuk ke Malaysia oleh penjajah British untuk menjayakan dasar-dasar ekonomi mereka, khususnya dalam industri getah. Mereka datang ke sini untuk mencari kehidupan yang lebih baik. Kebanyakan orang India ini, beragama Hindu. Kedatangan mereka ke negara ini turut membawa budaya mereka yang unik (Sandrakantham, 2011, ms.41). Salah satu daripadanya keunikan budaya masyarakat India adalah seni ekspresif lukisan 'kolam'. 'Kolam' adalah seni hias yang menggambarkan kebudayaan orang India yang kaya dengan kesenian dan falsafahnya (Gift Siromony, 1989). Ia mencerminkan ciri-ciri kebudayaan masyarakat India di Malaysia. 'kolam' adalah perkataan Tamil bermaksud lukisan lantai. 'Kolam' dalam bahasa Tamil yang membawa maksud satu corak hiasan yang dilukis oleh kaum wanita India di depan rumah terutamanya berhampiran anjung (Laine, 2009).

'Kolam' merupakan satu hasil seni yang berupa pendidikan tidak formal yang diwarisi dari satu generasi ke generasi lain (Waring, 2012). Transformasi kemahiran yang diwarisi ini daripada ibu kepada anak perempuan merupakan satu warisan budaya masyarakat India yang unik dan tersendiri.

LATAR BELAKANG

Pelbagai bahan dan motif digunakan untuk melukis 'kolam'. 'Kolam' merupakan kesenian hiasan yang dilukis semasa menyambut setiap perayaan dan majlis keramaian dan di kuil (Kowalczyk, 2003). Jenis 'kolam' ini dikategorikan sebagai 'Puspa Kolam' (Kolam Bunga) disebabkan bunga yang menjadi bahan utama untuk menghasilkan 'kolam' ini. Kemudian, bunga yang berwarna diletakkan secara teratur di atas motif yang telah siap dilukis di atas lantai terlebih dahulu. Dalam 'Yantra Puspa Kolam' (Yantra Kolam Bunga) ini seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1 di bawah adalah hasil 'kolam' yang dibuat menggunakan bunga kekwa, bunga daisy dan hampas kelapa iaitu digambarkan dengan warna harmoni. Sementara itu, bunga dihias dengan rupa segiempat berlapis mengungkapkan maksud tersirat disebalik 'Yantra Puspa Kolam' (Yantra Kolam Bunga) iaitu menjemput para dewi bidadari dari kayangan untuk memberi restu kepada ahli keluarga (Meenakshi, 2014).

Karya 'kolam' ini terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu bahagian dalam mempunyai susunan bunga kekwa dan bunga daisy berwarna kuning, merah dan putih menimbulkan garisan yang membentuk bulatan berlapis yang terdiri daripada enam lingkaran. Manakala, daripada hasil temu bual dengan informan iaitu En. Jayapragash a/l Gurualoo berpendapat bahawa 'Yantra Puspa Kolam' (Yantra Kolam Bunga) mempunyai bahagian luar bulatan yang menggambarkan susunan bunga kekwa, daisy dan lavender dan hampas kelapa berwarna putih yang ditutupi dengan beras berwarna jingga menimbulkan garisan tebal segi empat berlapis.




Rajah 1: ‘Yantra Kolam Bunga’

DATA DAN METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berbentuk kajian kes intrinsik dan menggunakan dan beberapa kaedah pengumpulan data seperti pemerhatian, temu bual, rakaman visual dan kajian dokumen. Manakala kajian ini akan menggunakan pendekatan interdisiplin dengan konsep-konsep dalam Teori Kebudayaan (Geertz, 1992) sebagai teori utama, pendidikan dan sosiologi. Pengkaji menggunakan Teori Ikonografi oleh Erwin Panofsky (1955) melalui pendekatan ikonologi untuk melihat bentuk kesenian ‘Kolam’ dalam konteks masyarakat India di Sitiawan. Data-data yang diperolehi dianalisis secara berterusan semasa di lapangan menggunakan model interaktif Miles dan Huberman (1992). Manakala kajian ini telah menggunakan pendekatan interdisiplin dengan konsep-konsep dalam teori pendidikan sebagai teori utama, kebudayaan dan sosiologi.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

a. Analisa ikonographikal


Ikonographikal		
Objek	Subjek	content
	Susunan bunga berbentuk bulat yang terdiri daripada bunga berwarna hijau, warna merah, warna kuning, warna merah tua dan warna putih	Informan ‘kolam’ En. Jayapragash a/l Gurualoo IFK2 (SS3JS3) menyatakan bahawa, rupa bulat mempunyai maksud tersirat iaitu keabadian yang kekal iaitu jiwa manusia (jiwatman) bersatu dengan Tuhan (Paramatma). Tuhan satu-satunya pemilik keabadian. Semua jenis bunga disimbolkan sebagai tempat pertapakan dewi-dewi bidadari. Namun demikian, penggunaan warna yang pelbagai memberi pengertian yang berbeza (Mutheswary, 1998).

		Warna hijau - Alam atau bumi Warna merah - Matahari Warna merah tua- Gembira Warna kuning - Bakti Warna putih - Suci Warna jingga - Keabadian kekal Warna ungu - Berpendirian teguh
	Susunan bunga berbentuk garisan tebal segiempat berlapis yang terdiri daripada bunga berwarna merah tua, warna kuning, warna putih dan hampas kelapa berwarna putih dan beras berwarna jingga.	Pendapat dan makna yang dinyatakan oleh informan 'kolam' IFK2 (SS4JS4) mendapati bahawa kehidupan manusia dalam dunia materialistik yang tidak kekal dan bersifat maya, pasti tidak terbebas dari segala bentuk-bentuk penderitaan. Namun demikian, terdapat juga suatu kehidupan yang dikatakan lebih tinggi yang pasti membangunkan kekuatan nilai rohaniah yang baik untuk diarahkan pada tujuan luhur dan suci (warna kuning, jingga dan warna putih)

Jadual 1: Analisa ikonographikal

a. Analisa ikonographikal

Susunan bunga berbentuk bulat yang terdiri daripada bunga berwarna hijau, warna merah, warna kuning, warna merah tua dan warna putih dan hampas kelapa berwarna putih dan beras berwarna jingga melambangkan hubungan manusia dengan kuasa Tuhan. Namun demikian, menurut informan (SS1JS1), tidak ada maksud yang spesifik diberikan untuk penggunaan semua jenis bunga. Rupa bulat mempunyai maksud tersirat iaitu keabadian yang kekal iaitu jiwa manusia (jiwatman) bersatu dengan Tuhan (Paramatma). Tuhan satu-satunya pemilik keabadian. Semua jenis bunga disimbolkan sebagai tempat pertapakan dewi-dewi bidadari. Namun demikian, penggunaan warna yang pelbagai memberi pengertian yang berbeza.




Rajah 2: Pelbagai warna bunga kekwa

Berdasarkan hasil temu bual dengan informan 'kolam' En. Jayapragash a/l Gurualoo (IFK2) (SS2JS2), manusia yang hidup di muka bumi ini yang disimbolkan dengan warna hijau iaitu warna alam akan melalui kehidupan keduniaan yang tidak terbebas dari segala bentuk penderitaan sedangkan terdapat suatu kehidupan yang lebih tinggi dan luhur yang diertikan sebagai kebahagiaan mutlak. Di mana, jiwa manusia (*jiwaatman*) bersatu dan berbakti dengan Tuhan (*Paramaatma*) yang merupakan kebahagiaan mutlak yang digambarkan melalui bunga berwarna kuning sebagai simbol tapak kaki kuasa Yang Maha Esa. Oleh itu, Tuhan satu-satunya pemilik keabadian yang

kekal yang digambarkan melalui warna kuning dan manusia perlu mendekati keabadian kekal ini yang digambarkan melalui penggunaan beras yang berwarna jingga. Justeru, manusia perlu menjalani hidup ini dengan mengamalkan nilai-nilai kerohanian dan ketatasusilaan yang tinggi dan suci yang digambarkan melalui bunga berwarna putih (Mutheswary, 1998).

Seterusnya, Mutheswary (1998), dan informan 'kolam' IFK2 (SS), berpendapat bahawa warna merah dilambangkan sebagai warna matahari bersinar setiap hari yang dikaitkan dengan prinsip hidup iaitu 'Hukum Darma'. Prinsip ini, perlu dipegang dalam perjalanan hidupnya sebagai satu kewajiban dengan penuh keberanian dan kemegahan bagi menegakkan pendirian yang dilambangkan melalui penggunaan bunga berwarna ungu. Dengan demikian, Tuhan sebagai matahari dalam 'atma' (jiwa) dan atma sebagai sinar Yang Maha Esa yang terpancar memasuki dalam hidup semua makhluk yang akan membawa kegembiraan mutlak yang dipaparkan melalui warna merah tua.

Susunan bunga berbentuk garisan tebal segiempat berlapis melambangkan kehidupan manusia dalam dunia materialistik yang tidak kekal dan bersifat maya, pasti tidak terbebas dari segala bentuk-bentuk penderitaan. Namun, terdapat juga suatu kehidupan yang dikatakan lebih tinggi yang pasti membangunkan kekuatan nilai rohaniah yang baik untuk diarahkan pada tujuan luhur dan suci yang digambarkan melalui warna kuning, jingga dan warna putih seperti rajah 3 di bawah.



Rajah 3: Bunga yang berwarna kuning, jingga dan putih

b. Interpretasi Ikonologi

Aspek-aspek nilai universal seperti kemuliaan dan moral yang tinggi (warna putih) diperlukan untuk merasa tenang agar menjalani hidup yang harmoni sesama manusia, alam semesta, mahupun dengan Tuhan (merah tua). Keadaan ini boleh dikecapi oleh seseorang, jika kesulitan-kesulitan hidup dapat dihindari dengan cara berhemah (warna ungu). Dengan mengetahui perkara ini, maka pola hidup serta cara pandangannya terhadap kehidupan akan mampu mengilhami setiap tindakannya sehingga tetap berada pada jalur yang benar yang sesuai dengan tuntutan ajaran hukum dharma (warna kuning dan merah).

Menurut informan En. Jayapragash a/l Gurualoo (IFK2), seorang harus mengetahui bahawa, kebahagiaan di dunia ini akan dapat dinikmati jika hidupnya diabdikan untuk perbuatan dharma (warna hijau dan jingga). Hanya dengan cara demikianlah harta dan kekayaan yang dikumpul memiliki nilai yang tinggi dan mulia.

KESIMPULAN

Dapatan daripada kajian ini penulis menjangkakan akan dapat memberikan sumbangan dalam memartabatkan seni pembentukan 'kolam' di negara ini melalui proses pendidikan seni secara informal dalam pengekalan warisan budaya. Terutama mempertingkatkan kesedaran terhadap kepentingan seni 'kolam' sebagai komponen yang mempunyai ciri-ciri tradisional tidak boleh dinafikan sumbangannya dalam pembentukan identiti masyarakat India di Malaysia dan memartabatkan kesenian 'kolam' tradisional sebagai paradigma kesenian bangsa Malaysia dalam usaha ke arah pembentukan intergrasi nasional dan negara bangsa melalui pemahaman terhadap kebudayaan pelbagai kaum.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat terutamanya pensyarah bimbingan, Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Husain kerana keikhlasan dan kesediaan beliau memberi nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang laporan kajian lapangan dan artikel ini telah diselesaikan.

RUJUKAN

- Anbalagan (2008). *Identiti India di Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Geertz, C. (1992). *The interpretation of the cultures*. New York: Basic Books.
- Gift. Siromoney, R., & Robinson, T. (1989). *Kambi kolam and cycle grammars*. In R. Narasimhan & G.Chennai: World Scientific.
- Kowalczyk, S. L. (2003). *Kolam: A living art of South India*. North Mankato: Smart Apple Media.
- Laine, A. (2009). Complementarity between art and anthropology experiences among kolam makers in South India. *Suomen Antropologi: Journal of the Finnish Anthropological Society*, 34(2), 58-69.
- Meenakshi, T. (2014). *A creative expression of celebrations: Ranggoli*, Agra: Deemed University.
- Miles, M.B., & Huberman, A.M. (1992). *Data kualitatif*. Tjepjep Rohendi Rohidi. Jakarta: Universitas Indonesia.
- Mutheswary, V. (1998). *Seni India: Aspek warna dalam kolam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Panofsky, Erwin. (1955). *Meaning in the visual arts*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Sandrakantham. (2011). *Dua ratus tahun masyarakat India di Malaysia*. Kuala Lumpur: Perniagaan Normahs.
- Timothy M.Waring. (2012). *Sequential encoding of Tamil kolam*. *Patterns*, 27, 83-91.